



MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
Jabatan Perdana Menteri
Aras G & LG, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8064 4843
Faks : 03-8064 4848
Portal Rasmi : www.mkn.gov.my
Emel : kpkn@mkn.gov.my

Ruj Tuan:

Ruj Kami: MKN.10.100-1/2/2 (25)

Tarikh: 6 April 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN KAEDAH PELAKSANAAN PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN
MAKLUMAT SEKTOR AWAM**

Dengan segala hormatnya, saya menjemput perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Seiring dengan langkah perkhidmatan awam mengorak pantas meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan supaya boleh dicapai dengan mudah, sistem ICT perlu dipastikan sentiasa berada dalam keadaan tersedia, selamat dan dipercayai. Langkah-langkah ke arah memperkukuhkan keselamatan maklumat hendaklah dilaksanakan dengan bersandarkan kepada penilaian risiko yang bersesuaian.

3. Penilaian risiko keselamatan maklumat bertujuan untuk membolehkan agensi sektor awam mengukur, menganalisis tahap risiko aset maklumat dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko dalam menangani risiko berkenaan. Agensi Sektor Awam digalakkan melaksanakan penilaian risiko secara berkala untuk mendapat gambaran mengenai tahap keselamatan secara berterusan.

4. Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat telah dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Kaedah yang disarankan adalah dengan menggunakan *The Malaysian Public Sector Information Security High Level Risk Assessment (HILRA)* dan *The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment Methodology (MyRAM)*.

5. Untuk makluman, sistem HILRA dan MyRAM merupakan sistem yang tidak lagi diselenggara. Berikutan sistem HILRA dan MyRAM yang telah dihentikan penggunaannya, agensi sektor awam adalah dibenarkan untuk menggunakan sebarang *tools* yang bersesuaian atau yang terdapat di pasaran bagi melaksana penilaian risiko keselamatan maklumat. Agensi turut dinasihatkan memuat turun dan menyimpan data dari sistem MyRAM sebelum 31 Mei 2022.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, bolehlah menghubungi :

Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA)

Majlis Keselamatan Negara

Aras LG & G, Blok Barat

Bangunan Perdana Putra

62502 PUTRAJAYA

No. Faks: 03-8064 4848


E-mel: admin@nacs.gov.my

7. Segala perhatian, kerjasama dan komitmen yang diberi adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

"Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"
"Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama"
"Berkhidmat Untuk Negara"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHAMZAN BIN HASHIM)

Ketua Eksekutif

Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA)

b.p. Ketua Pengarah Keselamatan Negara

Majlis Keselamatan Negara

Jabatan Perdana Menteri

s.k.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali

Ketua Setiausaha Negara

Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya